



**2. PEKERJA-PEKERJA LUAR BATUK KERING  
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
F.2-3-4-5 EB.6 (\$495 - \$790 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = 2**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding
- b) Mempunyai pengalaman kerja dalam jurusan yang dikendalikan di bahagian klinik Dada adalah keutamaan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEKERJA-PEKERJA LUAR BATUK KERING:**

1. Menyiasat ke atas pesakit-pesakit Tibi, menghantar ubat ke rumah pesakit, memberi suntikan kepada keluarga-keluarga pesakit, membantu pekerja-pekerja Luar Kanan Batuk Kering di luar dan di dalam Klinik Dada.
2. Membuat lawatan ke rumah kediaman pesakit Tibi.
3. Memastikan temujanji dengan Pakar Perubatan dipatuhi.
4. Memberi penerangan yang lengkap berkenaan dengan tatacara perawatan dan kesan-kesan sampingan serta tindakan yang perlu diambil.
5. Memastikan kehadiran pesakit-pesakit Tibi dan apa jua masalah hendaklah dilaporkan kepada Ketua Bahagian supaya tindakan yang perlu akan dibuat.
6. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.